



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VIII / (83)

Tarikh : 6 April 1995

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/1995 :**  
**Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran**  
**Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Serta**  
**Kegiatan Kokurikulum dan Sukan**  
**Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah**

---

Sebagaimana Y.Bhg. Datuk/Tuan sedia maklum bahawa keselamatan semasa pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, kegiatan kokurikulum dan sukan adalah sentiasa diutamakan. Walau bagaimanapun kemalangan atau kecederaan mungkin boleh berlaku tanpa diduga.

2. Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memperingatkan semua guru Pendidikan Jasmani dan Sukan supaya berwaspada terhadap kemungkinan-kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian yang tidak diingini ke atas diri pelajar serta mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakkannya. Pada setiap masa, keselamatan pelajar semestinya menjadi pertimbangan utama.

3. Sebagai panduan, berikut adalah di antara beberapa langkah yang boleh dilaksanakan :-

3.1 Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

3.1.1 Menjaga keselamatan pelajar dengan rapi semasa di dalam atau di luar bilik darjah.

3.1.2 Bertanggungjawab untuk mengeluarkan, mengguna dan menyimpan alat-alat sukan, walaupun boleh dibantu oleh pelajar.

3.2 Guru Kokurikulum dan Sukan

3.2.1 Guru-guru mestilah mengawasi dan peka terhadap keselamatan pelajar-pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum dan sukan.

3.2.2 Guru-guru hendaklah memastikan semua alat sukan berada dalam keadaan baik dan selamat sebelum digunakan.

3.3 Pelajar

3.3.1 Semua pelajar mestilah mematuhi setiap arahan guru dengan sepenuhnya semasa mengikuti pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan atau gerakerja kokurikulum dan sukan.

3.3.2 Pelajar-pelajar yang tidak dapat mengikuti pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan hendaklah berada bersama guru.

3.4 Stor Sukan

3.4.1 Stor sukan mestilah kemas dan tersusun.

3.4.2 Alat-alat sukan mestilah diletakkan pada tempat-tempat yang mudah diambil untuk kegunaan.

3.4.3 Setiap alat yang dikeluarkan dari stor sukan mestilah direkodkan dalam buku 'keluar dan masuk alat-alat sukan'.

3.5 Cuaca/Musim

3.5.1 Guru hendaklah menggunakan budi bicara supaya keadaan cuaca/musim tidak membahayakan pelajar sewaktu melaksanakan aktiviti.

3.6 Laporan Kemalangan atau Kecederaan

3.6.1 Sebarang kemalangan atau kecederaan yang berlaku hendaklah disiasat dan dilaporkan kepada pengetua/guru besar dengan segera.

3.7 Skim Perlindungan Diri

3.7.1 Sekolah digalakkan mengadakan skim perlindungan diri untuk semua pelajar.

3.8 Penyelenggaraan Peralatan Sukan

3.8.1 Ketua Panitia Pendidikan Jasmani dan Kesihatan/Setiausaha Sukan hendaklah memeriksa dan bertanggungjawab menyelenggara stor dan alat-alat sukan dari masa ke masa untuk memastikan semua peralatan sukan dalam keadaan baik.

4. Y.Bhg. Datuk/Tuan adalah diminta menyebarkan kandungan surat ini kepada semua sekolah-sekolah di negeri Y.Bhg. Datuk/Tuan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“CINTAILAH BAHASA KITA”**



**(DATUK HAJI ABDUL TALIB BIN MD ZIN)**

Pengarah  
Bahagian Sekolah  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman Haji Daud  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan Ketua Setiausaha I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Timbalan Ketua Setiausaha II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Semua Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  11. Ketua Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia